

07/11/1999

Berjaya Le Run penaja paling efisien LTDL

Halmi Samad

TUNJANGAN penaja adalah segala-galanya buat Le Tour de Langkawi (LTDL). Tanpa sokongan padu penaja, kesukaran pasti membelenggu penganjur LTDL, First Cartel (M) Sdn Bhd (First Cartel).

Begitu juga dengan Tour de France, Giro d'Italia atau Spanish Vuelta. Ketiga-tiga perlumbaan berstatus Hors Classe itu masih bergantung kepada tunjangan tajaan konglomerat.

Bezanya cuma, tatkala Tour de France, Giro d'Italia atau Spanish Vuelta ditatang penaja ternama tanpa perlu memerah keringat, First Cartel perlu bekerja keras meyakinkan pendokong kewangan.

Dan, apabila menyebut LTDL, segala-galanya berkisar soal penginapan, tiket penerbangan pelumba dan pegawai, makanan, pengangkutan, bayaran perkhidmatan marsyal, komisar serta kakitangan lain dan iklan yang perlu dibiayai. Kerana itu, untuk menjamin kelancaran LTDL, First Cartel perlu menoleh ke arah penaja.

Rasionalnya, First Cartel `wajib' menagih dokongan penaja di seluruh negara sesuai dengan statusnya sebuah badan yang tidak boleh membuat keuntungan selaras arahan penaung, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Demi mematuhi arahan Perdana Menteri, kami akur dan gigih mencari penajaan wang, barangan atau apa saja daripada penaja. Setakat ini, kami bersyukur kerana Le Tour de Langkawi sentiasa mendapat tajaan pelbagai pihak," kata Pengarah Eksekutif First Cartel, Wan Lokman Datuk Paduka Wan Ibrahim, baru-baru ini.

Dan, Berjaya Le Run Sdn Bhd tampil selaku antara penaja paling efisien demi membantu kelancaran perlumbaan berstatus 2.4 dalam kalendar tahunan Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) itu.

Sejak beberapa edisi perlumbaan LTDL, selain selesa membantu `Perlumbaan Malam Kriteria' yang diadakan di sekitar Bangunan Sultan Abdul Samad dan Jalan Raja Laut, Berjaya Le Run sentiasa gah menyumbang dana kepada First Cartel.

Tunjangan lumayan Berjaya Le Run jelas menepati kehendak dan misi syarikat itu yang `sanggup berkorban apa saja' demi memastikan sukan lumba basikal dicintai semua golongan.

"Kami bukan sekadar menjual basikal. Terlalu kejam kalau anda katakan kami terlalu pentingkan keuntungan. Sebaliknya kami di Berjaya Le Run mahu sukan berbasikal diminati semua golongan.

"Setakat ini, tidak ramai yang berpengetahuan mendalam mengenai basikal. Mereka hanya tahu ala kadar. Pendek kata mereka hanya tahu beli basikal. Tapi, apabila ditanya apa itu basikal, mereka tidak tahu.

"Oleh itu, kami mahu memupuk minat rakyat Malaysia supaya sentiasa berbasikal. Kalau boleh mereka perlu tiru tabiat orang Jepun atau Taiwan yang berbasikal ke tempat kerja, pasar, sekolah dan pusat beli-belah.

"Paling penting mereka jadikan basikal sebagai alat untuk beriadah. Bukan sekadar letak di dalam stor atau di belakang rumah. Mereka perlu hargai kepentingan basikal.

"Inilah faktor yang sangat penting," kata Pengurus Kanan Jualan Berjaya Le Run, Siow Fong Fatt ketika ditemui di kilang syariat berkenaan di Seksyen 5, Taman Perindustrian Puchong, baru-baru ini.

Siow dan Wan Lokman juga sependapat betapa sukan berbasikal adalah satu-satunya `pemangkin terbaik' untuk merapatkan keamatan dan hubungan kekeluargaan di seluruh dunia.

"Jarang sekali kita boleh lihat seorang anak dan bapa bermain golf. Atau

bermain bola sepak. Atau pun bermain dart. Tetapi, dengan menggunakan tandem bicycle, seorang bapa dan anak atau suami dan isteri boleh berkayuh bersama.

"Inilah keistimewaan basikal. Kerana itu, kami mahu semua rakyat Malaysia menyayangi dan mencintai basikal," kata Siow yang mendedahkan betapa Berjaya Le Run mahu membentuk majoriti pekerja berbasikal ke stesen LRT, Putra atau Komuter sekurang-kurangnya menjelang 2001.

Pada masa sama, Wan Lokman turut memuji falsafah Berjaya Le Run yang tidak rakus dalam mengejar keuntungan, sebaliknya masih memberi ruang besar kepada aspek kemasyarakatan.

"Kadangkala kita harus ketepikan soal untung dan utamakan bakti kepada masyarakat serta negara. Kita harus fikirkan soal apa yang Le Run boleh sumbang kepada rakyat," katanya.

(END)